sebagai harakah Islamiyah, kerana keberadaannya tidak sampai melayani dan mengembangkan Islam.

Begitu pula halnya dengan aneka ragam harakah Islam yang aktivitinya menitikberatkan pada usaha pemeliharaan/penerbitan Al Quran dan terjemahannya atau penerbitan buku-buku Islam; pembangunan projek dan perusahaan Islam, seperti Bank Islam, Koperasi Islam, masjid-masjid dan sekolah Islam, serta lembaga pendidikan yang sejenisnya; menyalurkan dana kepada fakir miskin, anak-anak yatim, orang-orang cacat, melakukan amar ma'ruf nahi mungkar, menyampaikan nasihat kepada penguasa dan sebagainya. Satu atau lebih dari berbagai macam aktiviti yang telah disebutkan di atas dapat di jadikan target tujuan untuk sebuah harakah Islam. Namun demikian, perlu diingat bahawa target-target tersebut belum cukup untuk melayani dan mengembangkan Islam sehingga seluruh aktiviti harakah terkait erat dengan hukum-hukum Islam. Dengan kata lain, metod yang digunakan harus sesuai dan terikat dengan idea mahupun hukum Islam.

Selain daripada tiga syarat diatas, agar suatu harakah dakwah dapat disebut sebagai harakah Islamiyah, maka keanggotaannya harus pula dari kalangan kaum Muslimin sahaja. Jika suatu harakah terbentuk dari kalangan non-muslim, seperti para orientalis yang mengkaji dan mempelajari khazanah Islam lalu mengeluarkan dan menyebarkan hasil kajiannya setelah terlebih dahulu meneliti dan menganalisisnya, maka harakah semacam ini tidak dapat dinamakan harakah Islamiyah.

Kita juga dapat mengkategorikan *Jama'ah Tabligh, Jama'ah Salafiyah, Islam Jama'ah,Jam'atul Muslimin Hizbullah* sebagai harakah Islam, sekalipun pada gerakan-gerakan tersebut terdapat kekurangan bahkan kadang-kadang terdapat langkah atau pemikiran yang tidak islami. *Jama'ah Tabligh* misalnya, mereka mengambil Islam secara *juz'ie* (sebahagian) dengan menolak untuk membicarakan masalah politik atau menempuh jalan politik dalam berdakwah. Sedangkan *Jama'ah salafiyah* lebih banyak memfokuskan kepada masalah aqidah, ibadah dan akhlaq. *Islam Jama'ah* pula suka mengkafir-kafirkan sesama kaum Muslimin yang tidak berbai'at kepada imam mereka, menolak solat di masjid yang imamnya bukan dari golongan mereka. Sementara *Jama'atul Muslimin Hizbullah* menolak mengakui Rasulullah SAW sebagai tokoh politik, bahkan menurut mereka dalam Islam tidak wujud aktiviti politik.

Di antara berbagai harakah Islam yang bersifat politik dan bergerak di kawasan Timur Tengah serta dunia Islam lainnya tercatat antara lain *Jama'ah Ikhwanul Muslimin* (Mesir), *Hizbullah* (Lebanon), *Hizbut Tahrir* (Jordan), *Gerakan Jihad Islam* (Mesir), *Jabhatul Inqadz Al Islami FIS* (Algeria*), Parti Islam Se-Malaysia PAS* (Malaysia) dan masih banyak lagi harakah Islam yang tersebar di Pakistan, India, Afghanistan, Turki dan tempat-tempat lain di negeri-negeri Islam.

Namun apapun kesemua ini menunjukkan kepada kita kepelbagaian harakah yang ada dengan metodologi yang berbeza sehinggakan ada di antara harakah ini menemupuh thariqah (metod) yang kurang jelas dengan menjerumuskan diri ke dalam sistem-sistem ciptaan khusus barat baik melalui wadah demokrasi mahupun yang sebaris dengannya.

**Khatimah**

Itulah Islam yang misinya kepada Rasulullah dan umat Islam membawa misi politik dan spritual yang tertuang di dalamnya penyelesaian bagi keseluruhan permasalahan yang dihadapi oleh umat manusia. Apabila dakwah merupakan metod yang disyariatkan agar islam ini dapat dibawa dan disebarkan kepada umat, maka masalahnya kemudian adalah, mungkinkah dakwah tersebut berjalan tanpa ada yang menggerakkanya ? Tentu mustahil. Maka, Allah juga mensyariatkan adanya parti politik, harakah, jamaah atau kelompok dakwah Islam untuk memikul tanggungjawab dakwah tersebut.

Oleh yang demikian itu, wujudnya parti politik, jamaah atau kelompok dakwah yang membawa Islam merupakan kemestian yang tidak dapat dinafikan apatah lagi dalam usaha untuk menegakkan kembali *Daulah Khilafah ala minhaj an nubuwwah* yang telah lama hilang. Bagaimana dan apakah yang harus ditempuhi kembali kepada apa yang telah ditontonkan kepada kita oleh Rasulullah SAW dan kelompoknya (parti, harakah, jamaah, kutlak) di dalam usaha menegakkan Daulah Madinah. Semoga Allah menpercepatkan kemenangan ini. Wallahu 'alam.

Penyalinan/penerbitan semula artikel ini amat dialu-alukan. Semoga usaha anda dapat mengembangkan dakwah Islam dan mendapat keredhaan Allah SWT.Tiada Hakcipta (Copyright) di dalam Islam.

Pertanyaan atau komen, e-melkan ke **aljawahir@islamika.org**

MENGGILAP PERMATA ISLAM

# AL-JAWAHIR

Bil 25|2000
15 September

http://www.islamika.org aljawahir@islamika.org

***BUKU*** *Islam Optimis Melangkah ke Alaf Baru*: Mengapa pilih Parti Islam tulisan Ibn Daulah telah mencuri perhatian sebahagian besar rakyat negara ini berikutan pendedahan yang dilakukan oleh Perdana Menteri Malaysia yang menegaskan intipati kandungan buku tersebut menghina Rasulullah dengan mengatakan Rasulullah merupakan pemimpin Parti Islam. Pelbagai desas desus ditimbulkan oleh pelbagai pihak dan termasuklah kenyataan yang menggesa kepada penulis buku tersebut agar segera bertaubat. Namun, apabila membaca kandungan buku tersebut secara menyeluruh AJ bersetuju dengan sebahagian besar apa yang dinukilkan oleh penulis buku tersebut termasuklah berhubung dengan Nabi Muhammad sebagai pemimpin parti Islam, Jamaah Islam, Kutlah Islam, Harakah Islam dan tidak timbul soal menyamakan kedudukan Rasul dengan sesiapapun di dalam buku tersebut. AJ bukan berniat untuk membela penulis mahupun buku tersebut namun untuk menjelaskan kebenaran yang ada padanya. Berhubung dengan Parti Politik Rasulullah sila kunjungi laman web www.islamika.org dalam ruangan analisis pilihan. Apa yang akan dibentangkan oleh AJ pada keluaran kali ini tidak berhubung kait dengan kontrovesi yang timbul namun akan mengulas berhubung dengan Islam sebagai Ideologi yang menyeluruh mencakupi persoalan politik mahupun spritual dan juga sedikit persoalan berhubung dengan gerakan Islam.

## Misi Islam: politik dan spritual

**Islam: Politik dan Spiritual**

Islam mempunyai keunikan berbanding dengan agama mahupun ideologi yang lain. Dari segi wilayah ajarannya, Islam bukan sahaja agama yang menyusuri ruhiyah (spiritual), akan tetapi juga meliputi politik (Siyasah), atau dengan istilah lain Islam adalah aqidah spiritual dan politik. Tetapi, mengapa Islam sering disebut hanya sebagai agama dan bukannya ideologi? Ini kerana akibat dari analogi generalisasi, iaitu usaha untuk memberikan pandangan yang sama-rata, bahawa Islam sama dengan agama yang lain. Kerana, tidak ada agama lain yang mempunyai konsep politik, yang mengatur persoalan kehidupan, maka Islam juga sama. Tentu penafsiran ini sangat berat sebelah dan berbau perlecehan serta dakwaan yang tidak disertai pemahaman yang mendalam tentang Islam. Sebab, kebanyakan mereka yang mengkaji Islam tidak memahami realiti kehidupan dan mereka yang memahami realiti kehidupan tidak berasaskan daripada Islam. Hasilnya tidak pernah memberikan kesimpulan yang lengkap. Masing-masing berjalan dalam ruangan yang salah dan kurang. Namun, anehnya mereka sering mendakwa orang-orang Islam yang berpandangan menyeluruh tentang Islam, sebagai ajaran spiritual dan politik, dikatakan sebagai tindakan apologis (membela/mempertahankan diri). Sekali lagi, mereka menyamakan orang Islam dengan orang Yahudi dan Nasrani yang sememangnya agamanya tidak lengkap, kemudian mereka apologi untuk menutupi kelemahan agama mereka. Jadi, sebenarnya siapa yang melakukan apologi? Orang Islam yang memperjuangkan Islam yang unik atau 'orang Islam' yang memperjuangkan Islam secara *juz'ie* (sebahagian)?

Jadi, adalah menjadi satu kesalahan untuk menyatakan bahawa Islam itu hanya sebagai agama semata dan begitu juga untuk menyatakan Rasulullah SAW di utuskan hanya membawa misi agama dalam erti kata hanya spiritual semata-mata. Namun penyataan seumpama ini adalah salah satu bentuk

penyelewengan untuk mengaburi pemikiran umat Islam. Perlu di ketahui juga Parti Politik Islam adalah salah satu metod untuk menyebarkan Islam selain daripada menegakkan daulah al Khilafah.

**Mampukah Islam sebagai ideologi spiritual dan politik?**

Mampukah Islam sebagai ideologi spiritual dan politik? Persoalan di atas perlu dianalisis dari bukti-bukti normatif, historis dan empirik dengan melihat kepada nas, fakta sejarah kejayaan yang pernah dicatat di dalam lembaran sejarah kegemilangan Islam, sejak dari hari pertama tertegaknya Islam di Madinah sebagai suatu kuasa ideologi sehingga jatuhnya khilafah Islam yang terakhir di Turki pada 3 Mac 1924 hingga sisa-sisa pelaksanaan Islam di negeri kaum muslimin. Tiga bukti-bukti inilah yang akan mampu memberikan gambaran yang nyata kepada kita akan kemampuan Islam sebagai ideologi dunia, samada spiritual mahupun politik.

Secara **empirik**, kita boleh membuktikan kemampuan Islam sebagai ajaran politik dan spiritual, dengan melihat elemen yang dimiliki oleh Islam, iaitu konsep (*fikrah*) dan metodologi (*thariqah*). **Konsep** ini mencakup: **(1)** Aqidah Islam, iaitu keimanan kepada Allah, Malaikat, Rasul, Kitab, Hari kiamat dan Qadha'-Qadar; **(2)** Pemecahan masalah kehidupan manusia, iaitu hukum-hukum syara' yang berkenaan dengan penyelesaian semua masalah manusia, samada yang berkenaan dengan masalah manusia dengan Allah, iaitu ibadah, ataupun masalah manusia dengan sesama manusia, iaitu ekonomi, sosial, politik, pendidikan, penghukuman, dan sebagainya, serta masalah manusia dengan dirinya sendiri, iaitu masalah makanan, pakaian dan akhlaq.

Manakala **metodologi** pula bermaksud adalah cara bagaimana supaya konsep tersebut boleh diterapkan, dipertahankan dan dikembangkan, iaitu mencakupi: (1) Metod (kaedah) menerapkan aqidah dan hukum syara' melalui negara; (2) Metod mempertahankan aqidah dan hukum syara', iaitu dengan melaksanakan hukuman (*uqubat*) kepada orang yang melanggar daripada aqidah dan hukum syara'. Orang yang murtad dibunuh, orang yang melakukan pembangkangan daripada negara akan diperangi, orang yang meninggalkan solat dikenakan *ta'zir,* orang yang mencuri dipotong tangan, orang yang berzina direjam sampai mati atau disebat hingga seratus kali, orang yang membuka aurat di tempat umum dikenakan *ta'zir,* orang yang melakukan rasuah dikenakan *ta'zir,* dan sebagainya. Seluruh penyimpangan daripada hukum syara' ada hukumannya di dalam syari'at Islam. (3) Metod menyebarkan aqidah dan hukum syara', iaitu dengan dakwah dan jihad yang dilakukan oleh khilafah Islam. Dakwah Islam kepada orang non-Islam di dalam negeri adalah dengan cara melaksanakan semua hukum Islam, sehingga mereka boleh menyaksikan cahaya Islam dan akhirnya memeluk Islam:

*"Apabila pertolongan dan kemenangan dari Allah telah tiba, maka kalian akan menyaksikan manusia berbondong-bondong masuk Islam."* (An-Nasr: 1)

Sedangkan dakwah Islam kepada orang non-Islam di luar negeri adalah dengan jihad, yang caranya telah ditetapkan oleh Islam dengan 3 tahap iaitu: (1) Diseru untuk memeluk Islam, apabila bersetuju, maka dibiarkan; (2) Apabila tidak bersetuju, akan diseru untuk tunduk kepada pemerintahan Islam dengan cara menerapkan semua hukum Islam yang berkenaan dengan masalah sosial, ekonomi, politik, pendidikan, *uqubat* (penghukuman), dan hukum-hukum yang lain, kecuali aqidah, ibadah, makanan, pakaian dan pernikahan (nikah dan talak); (3) Apabila tidak bersetuju, akan diperangi hingga habis-habisan, sehingga akhirnya tunduk kepada Islam. Inilah secara ringkas gambaran tentang Islam, dari sisi konsep dan metodologi, secara normatif, yang semuanya ini boleh dilihat dalam kitab-kitab fiqih Islam.

Sedangkan bukti-bukti sejarah, boleh dilihat dalam catatan sejarah sebagaimana yang dibukukan oleh ahli sejarah, samada dalam *sirah* mahupun *tarikh.* Seperti *Sirah Ibnu Ishaq, Maghazi Al-Waqidi, Thabaqat Ibnu Sa'ad, Sirah Ibnu Hisyam, Tarikh Al-Umam wa Al-Mulk At-Thabari, Tarikh Ibnu Al-Atsir, Tarikh Ibnu Katsir,* dan sebagainya. Buku-buku sejarah ini memberikan gambaran yang nyata tentang bagaimana Islam diterapkan sepanjang berabad-abad. Satu catatan yang telah ditinggalkan oleh kegemilangan Islam selama 1300 tahun lebih berdirinya Islam sebagai suatu ideologi antaranya bilangan kes mereka yang dipotong tangan akibat sabit kesalahan mencuri dan dikenakan hukuman hudud terhadap mereka adalah berjumlah 200 kes sahaja. Rekod ini dapat dicapai kerana apabila ideologi Islam ditegakkan di kalangan masyarakat ianya akan membina masyarakat tersebut supaya menjadikan aqidah Islam sebagai *qiyadah fikriah* (pengendali seluruh pemikiran) mereka. Ini akan melahirkan rasa taqwa di dalam diri individu masyarakat, yang mana taqwa ini akan mencetuskan suatu sifat mengawal diri kepada setiap individu untuk mendorong individu-individu



tersebut melaksanakan apa yang diperintah oleh Allah SWT. dan meninggalkan apa sahaja yang dilarang. Begitulah juga masyarakat yang dibina akan membawa pemikiran dan perasaan Islam yang mengaktifkan dan menjadikan mereka peka dengan kerja-kerja *amar ma'ruf* dan *nahi mungkar* bagi mengawal masyarakat supaya sentiasa berada di atas syari'at Islam. Adapun yang paling memainkan peranan dalam konteks ini ialah kewujudan konsep dan metodologi Islam di dalam sebuah negara yang akan melaksanakan seluruh sistem Islam. Renunglah kata-kata Khalifah Uthman:

*"Sultan akan dapat membetulkan kesalahan yang tidak dapat diperbaiki oleh Al-Quran"*

Akhirnya Islam telah dihancurkan oleh musuh-musuh Islam pada tahun 3 Mac 1924, dengan dirobohkannya sistem khilafah Islam.

Sedangkan bukti-bukti empirik, boleh disaksikan hingga saat ini. An-Nabhani memberikan gambaran yang jelas dalam buku beliau, *Hadisu As-Shiyam,* tentang bukti tersebut. Iaitu ada dua bukti yang hingga kini masih boleh disaksikan lagi: *Pertama,* peradilan (*al-qadha'*) yang bertugas menyelesaikan sengketa di tengah masyarakat, samada berkenaan dengan kes masyarakat dengan masyarakat ataupun masyarakat dengan negara; *Kedua,* pegawai kerajaan (*al-hakim*) yang bertugas melaksanakan semua hukum Islam di tengah masyarakat.

Mengenai masalah peradilan, catatan sejarah dari zaman Nabi Muhammad saw. hingga akhir kekhilafahan Islam di Turki, belum pernah ditemui ada satu masalah pun yang diselesaikan dengan menggunakan hukum yang lain, kecuali dengan syari't Islam. Bahkan, ramai orang non-muslim yang boleh memahami hukum Islam dengan baik, malah di antara mereka ada yang menulis fiqih Islam, seperti Salim Al-Baz. Namun, setelah dipisahkannya mahkamah, menjadi dua, iaitu mahkamah *sivil* (awam) dan mahkamah syari'at, kerana mengikut Barat, maka ketika itulah ada sejumlah kes yang diselesaikan bukan dengan hukum Islam. Bahkan, dalam masalah penerapan hukum tersebut hingga kini masih diterapkan di negeri-negeri kaum muslimin, meskipun tidak secara keseluruhan. Seperti hukum potong tangan, rejam, sebat masih diterapkan di berbagai wilayah negeri Islam, seperti di Arab Saudi dan lain-lain.

Sedangkan masalah pegawai kerajaan yang bertugas melaksanakan hukum Islam, sebagaimana yang dinyatakan dalam sejarah zaman Nabi hingga akhir kekhilafahan, jelas ada lapan struktur: (1) Khalifah, (2) Pembantu di bidang pemerintahan (*Mu'awin Tafwidh*), (3) Pembantu di bidang administratif (*Mu'awin Tanfiz*), (4) Wali dan Amil, (5) Badan Pentadbiran (*Al-Jihaz Al-Idari*), (6) Panglima perang dan tentera, (7) Majlis Umat, dan (8) Peradilan.

Inilah fakta dan bukti-bukti yang secara empirik telah menunjukkan keutuhan Islam sebagai ajaran agama yang menyeluruh, samada yang berkenaan dengan konsep politik dan spiritual. Semuanya diajarkan di dalam Islam.

**Harakah Islam**

Melihat realiti hari ini di saat tiadanya Khilafah Islam maka kewujudan suatu harakah (parti) yang membawa Islam sebagai konsep (fikarah) dan metodologi (thariqah) secara menyeluruh tanpa adanya kompromi dengan sebarang sistem ciptaan kafis barat adalah diperlukan dalam usaha mengembalikan kehidupan Islam di bawah naungan Daulah Khilafah. Kewujudan pelbagai harakah/gerakan/jamaah diseluruh pelosok dunia memang tidak dapat dinafikan lagi. Kesemua gerakan ini melakukan aktiviti mengikuti sasaran yang mereka inginkan. Di antara harakah-harakah tersebut ada yang bersifat islami dan menjadikan Islam sebagai asas. Namun ada juga yang tidak islami, bahkan memusuhi Islam, seperti partai komunis, partai *Wafd* di Mesir, partai *Ba'ath* di Syiria dan Iraq, gerakan Ahmadiah di India dan Pakistan dan sebagainya. Melihat keadaan berbagai gerakan yang ada, dapatlah ditentukan tiga aspek yang menunjukkan identiti sebuah harakah, iaitu:

(1) Mempunyai sasaran (matamat) yang di usahakan dan hendak dicapai oleh sebuah harakah.
(2) Mempunyai bentuk pemikiran yang telah ditentukan oleh harakah dalam aktiviti perjuangannya, dan
(3) Mempunyai arah dan kecenderungan tertentu pada orang-orang yang bergabung di dalam harakah tersebut.

Untuk menentukan identiti suatu harakah agar dapat dikategorikan Harakah Islam, maka ketiga-tiga aspek di atas harus terpenuhi. Dengan kata lain, tidak cukup dengan hanya mempunyai sasaran tujuan yang disahkan dan di akui oleh Islam, tetapi juga harus ditujukan untuk melayani dan mengembangkan Islam. Sebagai contoh, Islam mengakui keberadaan suatu harakah yang bergerak dalam bidang olahraga. Sebab matlamat seumpama ini hukumnya mubah. Tetapi harakah yang bergerak di bidang olahraga seperti ini tidak dapat di sebut